

1. اكتب الجمل التي تحتها خط باللغة العربية .

## BENGKEL KHAS BAHASA ARAB DI PBA

**NILAM PURI** , Ahad – Pusat Bahasa Arab ( PBA ) akan mengadakan satu bengkel persediaan khas untuk pelajar-pelajar yang akan menyambung pelajaran ke Universiti di Negara-negara Arab. Sehingga kini bilangan pelajar yang telah mendaftar ialah 199 orang termasuk siswa dan siswi. Mereka datang dari seluruh Semenanjung juga dari Sabah dan Sarawak.

Bengkel persediaan khas yang baru diperkenalkan pada tahun lepas ini mempunyai sukatan pembelajaran tersendiri. Kebanyakannya dipelajari dalam Bahasa Arab seperti Qawaid, Soraf, Maqal, Balaghah, Tafsir, Hadis dan banyak lagi.

Tinjauan yang dibuat menunjukkan kerjasama semua anggota Pusat Bahasa Arab adalah faktor utama kejayaan dalam melaksanakan bengkel ini di samping sokongan serta galakan berterusan daripada pihak pengetua Pusat.

2. ثم ترجم الجمل الآتية إلى اللغة العربية.

- (1) Pusat Bahasa Arab akan mengadakan bengkel khas bahasa selama tiga bulan
- (2) Bilangan peserta lelaki dan perempuan ialah 199 orang
- (3) Semua mata pelajaran diajar oleh guru-guru dari negara Arab.
- (4) Mereka datang dari pelbagai sekolah agama di Malaysia.
- (5) Sikap bekerjasama amat penting untuk mencapai kejayaan.

3. رتب تلك الجمل حتى تكون فقرة قصيرة.

(1) اكتب الجمل التي تحتها خط باللغة العربية .

### KEPENTINGAN MASJID DAN PERANANNYA DALAM MASYARAKAT ISLAM

Sebuah hadis meriwayatkan : *Telah dijadikan bumi ini untukku sebagai tempat untuk solat dan suci*. Hadis ini menjelaskan kepada kita bahawa semua tempat bersih yang dikhususkan untuk solat iaitu masjid, adalah tempat untuk semua umat Islam menunaikan solat lima waktu dan ibadat-ibadat lain.

Masjid biasanya dibina oleh kerajaan dengan peruntukan khas. Masjid merupakan tempat pertama yang mengeluarkan peribadi muslim yang soleh dan sanggup berjuang. la dianggap sebagai pusat untuk melindungi akidah daripada penyelewengan, dulu mahupun sekarang selama masjid masih dikekalkan sebagai pusat penyebaran dakwah Islam.

Masjid mempunyai kepentingan yang besar dalam kehidupan umat Islam. Ia menjadi pusat pengajaran al-Quran dan tajwid, juga hukum-hukum Islam dan perundangannya. Ia turut dianggap sebagai pusat untuk mengumpulkan umat Islam dan mengenali mereka. Di samping itu, masjid juga menjadi pusat untuk mengukuhkan ukhuwwah antara orang-orang Islam.

Sememangnya, langkah pertama yang diambil oleh Rasulullah s.a.w. selepas berhijrah ke Madinah ialah mendirikan masjid, dikenali sebagai masjid Quba' yang masih kekal sehingga ke hari ini.

(2) ترجم الجمل الآتية إلى اللغة العربية .

- 1) Masjid adalah tempat khas untuk umat Islam menunaikan solat fardu
- 2) Masjid Negeri di bina oleh Kerajaan Negeri
- 3) Masjid dianggap sebagai pusat utama melindungi akidah umat Islam
- 4) Masjid mempunyai banyak kepentingan dalam hidup umat Islam
- 5) Masjid juga dijadikan pusat untuk mengumpulkan semua umat Islam

(3) رتب تلك الجمل حتى تكون فقرة قصيرة .